

ORIGINAL ARTICLE

**PENTERJEMAHAN KARYA SASTERA MELAYU OLEH
INSTITUT TERJEMAHAN & BUKU MALAYSIA****THE TRANSLATION OF MALAY LITERARY WORKS
BY INSTITUT TERJEMAHAN & BUKU MALAYSIA****Nor Idatul Akmar Zulkipli ^{1*}; Haslina Haroon ²**¹ School of Humanities, Universiti Sains Malaysia, Malaysia. E-mail: n_idatul@yahoo.com² School of Humanities, Universiti Sains Malaysia, Malaysia. E-mail: haslina@usm.my

*Corresponding author

DOI: <https://doi.org/10.33306/mjssh/242>**Abstract**

This article documents the publication of Malay literary works translated into foreign languages in Malaysia by the Malaysian Institute of Translation and Books from 1993 until 2018. This study uses the translation archeology method by D'hulst to obtain information about (i) translated literary works, (ii) parties involved, (iii) translation funding, (iv) method of translation and (v) function of translated literary works for the audience. The results show that the publication of Malay literary works into foreign languages only started in 2006. The publication of Malay Literature in foreign languages is divided into two categories – National Literature and Children's Literature. Within 25 years, 263 titles have been published in 12 foreign languages. The highest publication titles were translated from Malay into English, with 167 titles. There were 120 translators involved in this publication; 41 were native speakers (L1), while 79 were non-native speakers (L2). The most translated work by a Malaysian writer into foreign languages is A. Samad Said for the National Literature category, while Rahimidin Zahari's work is the most translated for Children's Literature. The publication of Malay literary works into foreign languages was funded by ten international publishers using a cost-sharing strategy that included Germany, Japan, and Taiwan. This study implies that the documentation using this archaeological translation method can provide a complete picture of Malaysia's history, development, and translation activity.

Keywords: translation archeology, translation history, Malay literature, translation, publication**Abstrak**

Makalah ini bertujuan mendokumentasikan penterjemahan sastera bahasa Melayu dalam bahasa asing oleh Institut Terjemahan dan Buku Malaysia (ITBM) dari tahun 1993–2018. Kajian ini memanfaatkan kerangka arkeologi terjemahan oleh D'hulst bagi mendapatkan maklumat tentang (i) jenis penerbitan sastera, (ii) pihak yang terlibat, (iii) pembiayaan terjemahan, (iv) cara terjemahan dilakukan dan (v) fungsi penerbitan terjemahan kepada khalayak. Dapatan

menunjukkan sastera Melayu hanya mula diterjemahkan dalam bahasa asing pada tahun 2006. Dalam tempoh 25 tahun, sebanyak 263 judul sastera Melayu telah diterjemahkan dalam 12 bahasa asing. Penerbitan tertinggi adalah daripada bahasa Melayu kepada bahasa Inggeris, iaitu sebanyak 167 judul. Penterjemahan sastera Melayu dalam bahasa asing melibatkan seramai 120 orang penterjemah; 41 orang berstatus penterjemah penutur natif (L1) manakala 79 yang lain ialah penterjemah penutur bukan natif (L2). Usaha menterjemah sastera Melayu dalam bahasa asing juga melibatkan 11 penerbit antarabangsa sebagai rakan kongsi penerbitan. Implikasi kajian memperlihatkan bahawa pendokumentasian berpandukan arkeologi terjemahan dapat memberikan gambaran menyeluruh tentang sejarah, perkembangan dan aktiviti terjemahan buku di Malaysia.

Kata kunci: arkeologi terjemahan, sejarah terjemahan, sastera Melayu, penterjemahan, penerbitan.

This article is licensed under a Creative Commons Attribution-Non Commercial 4.0 International License



Received 12th April 2023, revised 5th May 2023, accepted 20th May 2023

Pengenalan

Meskipun sejarah terjemahan adalah signifikan dalam pembinaan teori terjemahan, ironinya aspek ini jauh keciciran dalam Pengajian Penterjemahan (Bassnett, 1980)¹. Walhal, dalam usaha mengembangkan teori terjemahan moden, tugas pertama pengkaji ialah menggali dan mengisi lompong dalam cabang ini (Berman, 1992)². Malangnya, selepas dua dekad, aspek ini masih terpinggir berbanding dengan aspek terjemahan yang lain (D'hulst, 2001)³. Akibatnya, wujud lompong yang ketara dalam disiplin terjemahan (Santoyo, 2006)⁴. Hanya setelah beberapa tahun belakangan, kajian dalam aspek sejarah terjemahan mula menunjukkan perkembangan positif (Tryuk, 2022)⁵. Namun, secara relatif, bilangan pengkaji dan jumlah kajian tentang sejarah terjemahan masih kecil.

Sejarah terjemahan menurut Anthony Pym (1998)⁶ ialah “*a set of discourses predicating the changes that have occurred or have actively been prevented in the field of translation*”. Dengan kata lain, sejarah terjemahan ialah satu wacana yang memerihalkan perubahan ataupun peristiwa yang mempengaruhi aktiviti terjemahan. Pym selanjutnya membahagikan penyelidikan sejarah terjemahan kepada tiga bahagian, iaitu arkeologi terjemahan, kritikan terjemahan, dan penerangan tentang fenomena terjemahan. D'hulst (2010)⁷ menyifatkan penyelidikan sejarah terjemahan mencakupi kedua-dua aktiviti proses dan fungsi, ataupun teori terjemahan, kritikan dan latihan. Takrifan D'hulst tentang sejarah terjemahan dilihat lebih terperinci apabila beliau secara kritis membezakan sejarah, historiografi dan metahistoriografi.

Sejarah disifatkan D'hulst (2010: 397–398)⁷ sebagai “*the proper sequence of facts, events, ideas, discourses*”, iaitu urutan fakta, idea atau wacana manakala historiografi ialah “*the history of the practices of history-writing*”, iaitu sejarah tentang amalan penulisan sejarah. Metahistoriografi pula ialah “*the explicit reflection on the concepts and methods to write history and also on epistemological and methodological problems that are related to the use of these*

concepts and methods". Ringkasnya, metahistoriografi ialah konsep yang berkait dengan penulisan sejarah. Berbeza dengan D'hulst, Pym sebaliknya berpandangan bahawa elemen arkeologi terjemahan, kritikan sejarah dan penerangan itu sendiri adalah bersifat historiografi. Oleh sebab wujudnya pelbagai pandangan dan tafsiran, rata-rata sarjana sukar memberikan takrifan yang tepat tentang istilah sejarah terjemahan meskipun pelbagai kajian tentang skop, objek kajian, pendekatan mahupun metodologi telah dijalankan.

Dalam disiplin Pengajian Penterjemahan, sejarah ialah kayu ukur yang merekodkan setiap aktiviti terjemahan, iaitu daripada jenis dan fungsi terjemahan, kuasa atau pengaruh yang dikenakan terhadap terjemahan sehingga kepada penerimaan teks terjemahan dalam budaya sasaran (Sagar, 2017)⁸. Di Malaysia, beberapa kajian lampau tentang sejarah terjemahan pernah dijalankan antaranya Yoong dan Zainab (2002), Raja Masittah Raja Ariffin (2008), Haslina Haroon dan Melati Majid (2015), Sharifah Fazliyaton Shaik Ismail dan Asrar Omar, (2016), Sumaiyah Makhtar dan Idris Mansor (2018), Ding Choo Ming (2019) dan yang terbaru Goh Sang Seong dan Boh Phaik Ean (2021). Daripada semua kajian berikut, hanya kajian Sumaiyah Makhtar dan Idris Mansor (2018) serta Goh Sang Seong dan Boh Phaik Ean (2021) yang berpandukan kerangka arkeologi terjemahan. Namun, kedua-dua kajian ini terhad kepada penerbitan teks sastera Arab dan Cina.

Dalam pada itu, kajian secara sistematik yang memfokuskan penerbitan terjemahan terutamanya yang diterbitkan oleh Institut Terjemahan dan Buku Malaysia (yang dahulunya Institut Terjemahan Negara Malaysia) belum pernah dilakukan oleh mana-mana pihak walaupun institusi ini ialah satu-satunya badan rasmi terjemahan negara yang ditubuhkan untuk mengendalikan hal ehwal terjemahan di peringkat tempatan dan antarabangsa. Dengan mengambil kira hal ini, makalah ini bertujuan mendokumentasikan penerbitan terjemahan sastera Melayu dalam bahasa asing sebagai satu usaha mengisi kelompangan sejarah terjemahan dalam konteks Malaysia sekali gus menyumbang kepada kajian kepustakaan sebagai rujukan repositori pada masa akan datang.

Perbincangan seterusnya dalam makalah ini akan dibahagikan kepada beberapa bahagian. Bahagian pertama membincangkan konsep arkeologi terjemahan. Seterusnya, bahagian kedua meneliti beberapa usaha pendokumentasian karya terjemahan yang telah dilakukan dalam konteks Malaysia, manakala bahagian ketiga pula akan membincangkan latar belakang organisasi yang menjadi fokus kajian ini. Seterusnya, bahagian keempat akan menjelaskan metodologi kajian ini. Bahagian kelima yang menjadi fokus utama makalah ini, akan membincangkan penterjemahan karya terjemahan sastera Melayu oleh Institut Terjemahan & Buku Malaysia berpandukan konsep arkeologi terjemahan. Bahagian terakhir akan mengemukakan rumusan tentang kajian yang dilakukan tentang penterjemahan karya sastera Melayu oleh ITBM.

Arkeologi Terjemahan

Penyelidikan terhadap sejarah terjemahan melibatkan kerja-kerja merekod setiap aktiviti terjemahan yang dilaksanakan oleh individu atau pihak berkaitan pada tempoh tertentu. Menurut Pym (1998)⁶, bagi menyelidik sejarah terjemahan, objek kajian perlu bertumpukan manusia, iaitu penterjemah. Justeru, Pym mengusulkan penyelidikan yang bersifat "*translator-focused approached*" bagi memperoleh maklumat penting seperti latar belakang penterjemah, tempat dan

masa terjemahan dilakukan, hubungan semula jadi antara penterjemah, penaung dan pembaca serta kesan dan fungsinya kepada khalayak. Seperti dihujahkan Raine⁹:

Only through carrying out such a systematic investigation will theoretical writings on translation be discovered, which will allow these translators' voices to be heard and contribute to our knowledge of both regional and global translation history (Raine, 2014: 292).

Penyelidikan terhadap sejarah terjemahan terdiri daripada tiga peringkat. Peringkat pertama ialah arkeologi terjemahan yang digunakan bagi mengumpulkan maklumat tentang (i) pihak yang melakukan terjemahan, (ii) cara terjemahan dilakukan, (iii) tempat terjemahan dilakukan, (iv) masa terjemahan dilakukan, (v) audiens sasaran, dan (vi) kesan terjemahan. Peringkat kedua melibatkan kritikan terjemahan yang berkisar tentang penghasilan naskhah, dan pada peringkat ketiga ialah penerangan yang menghuraikan sebab sesuatu terjemahan dilakukan. Maklumat yang dikumpulkan dalam peringkat pertama adalah berupa senarai atau katalog manakala maklumat dalam peringkat kedua berbentuk analisis dan pendapat. Maklumat dalam peringkat ketiga seterusnya berbentuk huraian.

Bertunjangkan kaedah yang disarankan Pym, D'hulst (2010)⁷ kemudian mengusulkan skema yang lebih terperinci bagi menyelidik sejarah terjemahan. Seperti dinyatakan Gürçağlar (2013)¹⁰, skema persoalan D'hulst secara amali dapat membantu pengkaji untuk menyelidik sejarah terjemahan. Skema tersebut merangkumi lapan persoalan, iaitu:

(i) *Quis?*

Kajian sejarah terjemahan bertumpu pada manusia, iaitu “siapakah yang melakukan terjemahan”? Oleh itu, pengkaji perlu memberikan jawapan dengan cara mengumpulkan maklumat biografi intelektual penterjemah yang merangkumi gender, latar belakang sosioekonomi atau latihan terjemahan yang diterima. Manusia yang dimaksudkan tidak terhad kepada penterjemah tetapi turut merangkumi individu, penerbit, penaung atau organisasi.

(ii) *Quid?*

Persoalan seterusnya bertumpu pada korpus teks terjemahan, iaitu (1) “apakah yang diterjemahkan?”, dan (2) “apakah kriteria untuk sesuatu teks itu diterjemahkan?” Jawapan yang diperoleh adalah bagi mengumpulkan maklumat bibliografi tentang teks terjemahan dan teks sumber untuk dibuat perbandingan. Bagi mendapatkan maklumat tentang teks sumber, teks terjemahan dan data paratekstual lain seperti prakata, jumlah halaman, penerbit bersama, pengkaji disarankan melakukan kajian kepustakaan terjemahan.

(iii) *Ubi?*

Setelah mengumpulkan maklumat tentang penterjemah dan teks terjemahan, persoalan berikut perlu dijawab, (1) “di manakah teks terjemahan dihasilkan, diterbitkan atau dicetak”? dan (2) “siapakah yang terlibat dalam penghasilan teks terjemahan tersebut”? Skema ini adalah bagi mengumpulkan maklumat tentang tempat penghasilan teks terjemahan selain turut memberikan maklumat penting seperti keterkaitan antara pihak penerbit, pencetak atau pengedar dengan teks terjemahan yang dihasilkan selain negara, agensi, institusi, bandar, perpustakaan atau pihak berkepentingan lain.

(iv) *Quibus auxiliis?*

Bagi mengumpulkan maklumat berkaitan pengaruh, sokongan atau naungan dalam proses terjemahan, terdapat tiga persoalan yang berkaitan, iaitu: (1) “Apakah kesan teks terjemahan terhadap penterjemah dari segi pengiktirafan dan bayaran?”, (2) “Adakah terjemahan yang dilakukan dibiayai oleh mana-mana pihak?” dan, (3) “Apakah struktur hubungan yang wujud antara penerbit, penulis dan penterjemah”?

(v) *Cur?*

Dua persoalan, iaitu (1) “mengapakah terjemahan dilakukan?” dan (2) “apakah bentuk terjemahan tersebut?” perlu dijawab bagi tujuan menyelidik sebab terjemahan dihasilkan dan cara teks diterjemahkan sedemikian rupa. Dapatan yang diperoleh membolehkan pengkaji mengumpulkan maklumat berkaitan faktor sosial yang terlibat antaranya fungsi teks terjemahan, strategi terjemahan yang digunakan, konvensi masyarakat sasaran, kekangan terjemahan ekoran faktor ekonomi atau politik misalnya.

(vi) *Quomodo?*

Bagi melihat cara sesuatu terjemahan itu dilakukan serta meneliti sama ada sesuatu terjemahan yang dihasilkan kekal atau pun berubah pada tempoh masa tertentu, pengkaji perlu meneliti penerimaan atau perubahan terhadap produk terjemahan.

(vii) *Quando?*

Persoalan ini bertujuan untuk mengumpulkan maklumat tentang tempoh yang diambil bagi menghasilkan teks terjemahan. Disebabkan itu, maklumat berkaitan tarikh penerbitan teks sumber, tarikh penerbitan teks terjemahan, maklumat tentang cetak ulang atau siri koleksi sesebuah penerbitan perlu dikumpulkan dan direkodkan.

(viii) *Cui bono?*

Menurut D’hulst (2010), aktiviti terjemahan berlaku dalam suatu jaringan yang kompleks. Oleh itu, bagi meneliti kesan serta pengaruh teks terjemahan terhadap budaya dan masyarakat sasaran, pengkaji mengumpulkan maklumat tentang “apakah fungsi dan kegunaan penerbitan terjemahan tersebut kepada khalayak penerima?”

Usaha Mendokumentasi Karya Terjemahan Sastera dalam Konteks Malaysia

Usaha mendokumentasi karya terjemahan dalam konteks Malaysia telah dilaksanakan oleh beberapa orang sarjana, misalnya Yoong dan Zainab (2002), Raja Masittah Raja Ariffin (2008), Haslina Haroon dan Melati (2015), Sharifah Fazliyaton Shaik Ismail dan Asrar Omar (2016), Sumaiyah Makhtar dan Idris Mansor (2018), Ding Choo Ming (2019) serta Goh Sang Seong dan Boh Phaik Ean (2021).

Kajian Yoong dan Zainab (2002)¹¹ misalnya memberikan tumpuan pada karya sastera Cina yang diterjemahkan dalam bahasa Baba-Nyonya sekitar tahun 1889 hingga 1950. Didapati bahawa sepanjang tempoh tersebut, sebanyak 68 judul karya Cina telah diterjemahkan dalam bahasa Baba-Nyonya. Penerbitan tertinggi adalah pada tempoh sebelum tercetusnya Perang Dunia II, iaitu sebanyak 39 judul. Kajian Yoong dan Zainab ini juga mendapati seramai 103 orang yang terdiri daripada penterjemah, pengilustrasi, pembaca bahasa Cina, pembaca tulisan Melayu rumi,

pembantu dan editor terlibat dalam kerja-kerja penterjemahan serta pelibatan 31 penerbit dan 21 pencetak sepanjang tempoh tersebut.

Kajian oleh Raja Masittah Raja Ariffin (2008)¹² seterusnya menyenaraikan keputakaan terjemahan dalam bahasa Melayu dalam negara dari zaman sebelum merdeka hingga 2008 oleh penerbit yang berbeza-beza. Terdapat 37 kategori disenaraikan antaranya Agama dan Tamadun Islam, Ensiklopedia, Kejuruteraan/Teknologi dan Novel/Fiksiyen. Penerbitan tertinggi dalam senarai keputakaan ini adalah daripada kategori Novel/Fiksiyen sebanyak 229 judul manakala penerbitan paling sedikit ialah kategori Insurans dan Pelancongan, masing-masing sebanyak dua judul.

Haslina Haroon dan Melati Abdul Majid (2015)¹³ kemudiannya melakukan kajian tentang penterjemahan novel bahasa asing dalam bahasa Melayu oleh Dewan Bahasa dan Pustaka dari tahun 1958 hingga 2001. Hasil kajian menunjukkan bahawa sepanjang tempoh tersebut sebanyak 72 judul novel bahasa asing telah diterjemahkan dalam bahasa Melayu menerusi 12 bahasa sasaran yang berbeza-beza. Novel terjemahan pertama yang diterbitkan oleh DBP adalah pada tahun 1958, iaitu novel *Anak Raja dengan Anak Papa* daripada *The Prince and the Pauper* oleh Mark Twain. Novel dalam bahasa Melayu ini diterjemahkan oleh Za'ba. Kajian ini turut merekodkan pelibatan sebanyak 51 orang penterjemah dalam kerja-kerja terjemahan.

Sharifah Fazliyaton Shaik Ismail dan Asrar Omar (2016)¹⁴ seterusnya menjalankan kajian bagi melihat kecenderungan bahasa kebangsaan digunakan dalam terjemahan sastera dari tahun 1958 hingga 2014. Sejumlah 1,902 buah karya sastera diterjemahkan dari tahun 1958 hingga 2014 dengan penerbitan tertinggi melibatkan bahasa Inggeris dalam bahasa Melayu, iaitu sebanyak 1,255 judul. Kajian ini juga mendapati bahawa karya terjemahan bersumberkan bahasa Melayu hanya giat diterjemahkan dalam bahasa lain mulai tahun 2000. Kajian yang akan dibincangkan dalam makalah ini juga adalah mirip kajian Sharifah Fazliyaton Shaik Ismail dan Asrar Omar (2016), namun kajian kali ini memberikan tumpuan khusus kepada penerbitan karya terjemahan oleh institut terjemahan rasmi negara, ITBM dari tahun 1993 hingga 2018 berdasarkan skema persoalan D'hulst (2010).

Kajian oleh Sumaiyah Makhtar dan Idris Mansor (2018)¹⁵ memfokuskan penerbitan karya terjemahan Arab dalam bahasa Melayu yang disumbangkan oleh Syeikh Daud bin Abdul al-Fatani pada abad ke-18 hingga ke-19. Hasil kajian mendapati sebanyak 22 judul manuskrip ditemukan Perpustakaan Negara Malaysia, Muzium Kesenian Islam dan beberapa muzium lain. Namun, angka tersebut belum muktamad memandangkan ada banyak lagi manuskrip yang belum ditemukan. Sumaiyah Makhtar dan Idris Mansor berpendapat bahawa kaedah arkeologi terjemahan oleh Pym (1998) membolehkan para pengkaji mengumpulkan maklumat penting dalam sejarah terjemahan secara lebih teratur dan sistematik.

Kajian oleh Ding Choo Ming (2019)¹⁶ pula membincangkan penerbitan karya sastera Cina di China, Indonesia, Malaysia dan Singapura. Menurut Ding Choo Ming, terdapat tiga orang penterjemah prolific Cina-Melayu daripada Baba Peranakan, iaitu Wan Boon Seng, Tan Beng Teck dan Siow Hay Ham. Tan Beng Teck muncul sebagai penterjemah pertama cerita popular Cina dahulu kala di Malaysia. Kajian Ding Choo Ming turut mendedahkan penerbit yang aktif melakukan aktiviti terjemahan karya Cina dalam bahasa Melayu antaranya seperti Gerak Budaya,

Strategic Information and Research Development Centre, Dewan Bahasa dan Pustaka, Persatuan Penterjemahan dan Penulisan Kreatif Malaysia serta Institut Terjemahan & Buku Malaysia.

Satu lagi kajian terkini yang memberikan tumpuan kepada penerbitan karya sastera Cina ialah kajian yang dijalankan oleh Goh Sang Seong dan Boh Phaik Ean (2021)¹⁷. Berbeza dengan kajian Ding Choo Ming, kajian ini menggunakan kerangka arkeologi terjemahan bagi mendokumentasikan terjemahan karya sastera mahua moden oleh DBP. Sebanyak 33 buah sastera mahua moden telah diterbitkan di dalam majalah terbitan DBP, iaitu *Dewan Bahasa* dan *Dewan Sastera* dengan penerbitan tertinggi pada sekitar tahun 1980-an. Didapati juga bahawa penerbitan sastera mahua moden dijadikan medium bagi memperkenalkan budaya dan pemikiran kaum Cina yang sekali gus menyumbang kepada pemupukan integrasi nasional antara kaum.

Secara keseluruhan, kajian lampau oleh para sarjana memperlihatkan bahawa usaha dokumentasi karya terjemahan yang dilakukan adalah bersandarkan kriteria tertentu seperti genre dan pasangan bahasa. Sungguhpun begitu, masih belum ada kajian yang memfokuskan penerbitan karya terjemahan oleh ITBM sebagai badan rasmi terjemahan tanah air yang berperanan untuk menyediakan prasarana penterjemahan dalam negara. Pendokumentasian karya terjemahan oleh ITBM ini juga didapati sejajar dengan resolusi Persidangan Meja Bulat Dasar Buku Negara (DBN) agar ITBM dijadikan sebagai pusat dokumentasi terjemahan khalayak selaras dengan statusnya (Budiman Mohd Zohdi, 2017)¹⁸.

Sehubungan dengan itu, kajian ini dilakukan bagi mendokumentasikan penerbitan karya terjemahan sastera Melayu oleh Institut Terjemahan dan Buku Malaysia (yang dahulunya Institut Terjemahan Negara Malaysia) berpandukan kerangka arkeologi terjemahan yang bertujuan memberikan gambaran tentang sejarah dan perkembangan aktiviti terjemahan di Malaysia.

Institut Terjemahan & Buku Malaysia dan Aktiviti Penterjemahan

Menurut Puteri Roslina Abdul Wahid (2012)¹⁹, tidak ada badan khusus yang mengendalikan aktiviti terjemahan pada awal perkembangannya di Tanah Melayu. Antara institusi terawal yang didapati menjalankan aktiviti ini ialah Pakatan Bahasa Melayu Persuratan Buku Di Raja Johor yang menubuhkan sebuah Jabatan Penterjemahan serta menerbitkan *Manual of Malay Language and Grammar*, terjemahan daripada *Jalan Bahasa Melayu* pada tahun 1947.

Kegiatan terjemahan yang lebih teratur dan tersusun hanya bermula semasa pemerintahan British di Tanah Melayu dengan kewujudan Jabatan Pendidikan yang diketuai oleh Timbalan Pengarah, Jabatan Pendidikan di Kuala Lumpur, Alexander Small (Sakina Sahuri dan Fauziah Rashid, 2015)²⁰. Tujuan penubuhan Jabatan Pendidikan tersebut adalah untuk menyediakan buku teks Melayu yang digunakan di sekolah-sekolah Melayu. Selama dua tahun kerja-kerja terjemahan dilakukan di Kuala Lumpur, atas usaha O.T. Dussek, unit terjemahan ini kemudiannya berpindah ke Tanjung Malim setelah Maktab Perguruan Sultan Idris (SITC) ditubuhkan pada tahun 1924.

Di SITC, unit terjemahan ini seterusnya dikenali sebagai Pejabat Terjemah Menterjemah yang dikendalikan oleh Zainal Abidin bin Ahmad atau Za'ba. Namun pada tahun 1925, unit ini dijenamakan semula sebagai Pejabat Karang Mengarang (PKM) yang dianggotai oleh Za'ba sebagai Ketua Penterjemah dan O.T. Dussek sebagai Penyunting. Kegiatan terjemahan pascakemerdekaan memperlihatkan perkembangan yang lebih memberangsangkan dengan

penubuhan DBP pada 22 Jun 1956. Selanjutnya, Bahagian Terjemahan di DBP diwujudkan bagi melaksanakan kerja-kerja menterjemahkan buku. Pada 1959, DBP dinaikkan taraf menjadi sebuah badan berkanun melalui Ordinan Dewan Bahasa dan Pustaka 1959. Dengan penarafan tersebut, DBP mempunyai kuasa sepenuhnya bagi (i) menggubal dasar yang khusus, (ii) menyusun program pembinaan pengembangan bahasa dan sastera serta (iii) menjalankan kegiatan penerbitan dan perniagaan buku secara kompetitif.

Beberapa tahun berikutnya, tugas menerbitkan karya terjemahan yang dilakukan oleh DBP digalas oleh Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad (ITNMB) selepas penutupan di Bahagian Terjemahan di DBP (Anis Shahirah Abdul Sukur, 2016)²¹. ITNMB ditubuhkan secara rasmi pada 14 September 1993 setelah mendapat kelulusan daripada Jemaah Menteri pada 28 April 1993 (Puteri Roslina Wahid, 2012)¹⁹. ITNMB ialah badan tunggal di Malaysia yang merancang, melaksana, mengurus, dan menyelaras hal ehwal terjemahan, kejurubahasaan, dan pemindahan maklumat berbilang bangsa pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Pada 30 Mac 2012, nama ITNMB secara rasmi bertukar kepada Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad (ITBM) bagi melaksanakan fungsi menerbitkan buku karya asli. Dengan penjenamaan semula ITNM kepada ITBM, fungsi dan mandatnya diperluas sebagai badan yang membantu dalam memperkasa serta memperbanyak penerbitan karya asli penulis tempatan bagi tujuan merencanakan industri perbukuan negara. Walaupun mandat institut diperluas, fungsi utama ITBM masih lagi bertumpu pada aktiviti menterjemah dan menerbitkan karya terjemahan selaras dengan misi dan objektif penubuhannya.

Selepas beroperasi selama lebih 25 tahun, pada sekitar tahun 2016 hingga 2019, ITBM berdepan dengan pelbagai cabaran terutamanya desas-desus tentang penutupan institusi serta pengecilan saiz operasi ekoran krisis kewangan pada beberapa tahun kebelakangan. Hanya menjelang tahun 2020, badan rasmi ini mula kembali kepada fungsi asal penubuhan, iaitu memberikan khidmat terjemahan, kejurubahasaan, dan latihan di samping mengukuhkan fungsi sebagai badan payung dalam industri terjemahan di peringkat tempatan dan antarabangsa (Saadiah Ismail, 2020)²².

Metodologi

Makalah ini bertujuan untuk membincangkan usaha penterjemahan karya terjemahan sastera Melayu oleh Institut Terjemahan & Buku Malaysia (ITBM) dari tahun 1993 hingga 2018. Data utama kajian yang berbentuk senarai penerbitan buku diperoleh daripada Jabatan Penerbitan, Institut Terjemahan & Buku Malaysia. Data yang dipilih adalah terhad kepada menghimpunkan judul terjemahan baharu dari tahun 1993 hingga 2018 oleh Jabatan Terjemahan & Latihan serta Jabatan Penerbitan ITBM. Penerbitan lain seperti buku berstatus cetak ulang, buku karya asli, buku karya asli berstatus cetak ulang dan buku cetakan atas permintaan adalah tidak terangkum dalam kajian ini. Memandangkan data diperoleh sejak penubuhan institusi ini pada tahun 1993, maka data yang dibentangkan turut merangkumi penerbitan terjemahan ITBM semasa ia masih dikenali sebagai Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad (ITNMB). Data ini turut dikumpul daripada sumber prelu Google Book, OPAC Perpustakaan Negara Malaysia, Anyflip dan FlipHTML, e-katalog ITBM dan semakan buku fizikal daripada Kedai Buku ITBM. Data-data yang diperoleh kemudian dianalisis mengikut kerangka arkeologi terjemahan D'hulst bagi mendokumentasikan

penerbitan terjemahan sastera Melayu dalam bahasa asing oleh ITBM bagi tempoh 1993 hingga 2018.

Terjemahan Karya Sastera Melayu oleh Institut Terjemahan & Buku Malaysia

Kajian mendapati sebanyak 263 judul sastera Melayu diterjemahkan dalam pelbagai bahasa oleh ITBM dari tahun 1993–2018. Justeru, berpandukan skema D’hulst (2010), fokus perbincangan dalam kajian adalah berdasarkan 263 judul terjemahan berikut. Secara khusus, perbincangan akan cuba menjawab persoalan berikut:

- (i) *Quid* – Apakah yang diterjemahkan, dan apakah kriteria pemilihan naskhah untuk diterjemahkan?”
- (ii) *Ubi* – Siapakah yang terlibat dalam usaha penterjemahan?
- (iii) *Quibus auxiliis* – Adakah terjemahan dibiayai oleh mana-mana pihak?
- (iv) *Quomodo* – Bagaimanakah terjemahan dilakukan?
- (v) *Cui bono* – Apakah fungsi penerbitan terjemahan kepada khalayak?

Apakah yang Diterjemahkan?

Penterjemahan sastera Melayu dalam bahasa asing terbahagi kepada dua kategori, iaitu sastera dewasa dan sastera kanak-kanak. Sastera dewasa ialah naskhah sastera yang dihasilkan untuk bacaan golongan dewasa manakala sastera kanak-kanak merujuk penerbitan sastera berilustrasi atau tidak berilustrasi untuk bacaan kanak-kanak dan remaja.

Jadual 1.

Bilangan penerbitan terjemahan sastera Melayu mengikut kategori

Jenis teks	Bilangan penerbitan
Sastera dewasa	166
Sastera kanak-kanak	97
Jumlah penerbitan	263

Berdasarkan Jadual 1, didapati penerbitan terjemahan sastera dewasa mencatatkan bilangan yang lebih tinggi, iaitu 63.11 peratus berbanding dengan sastera kanak-kanak sebanyak 36.88 peratus. Jadual 2 berikutnya menunjukkan bilangan terjemahan sastera Melayu mengikut tahun.

Jadual 2.

Bilangan terjemahan sastera Melayu mengikut tahun

Tahun	Sastera dewasa	Sastera kanak-kanak	Jumlah penerbitan
2006	-	21	21
2007	-	0	0
2008	-	20	20
2009	36	15	51
2010	53	0	53
2011	22	0	22
2012	7	5	12
2013	11	21	32
2014	13	1	14

2015	12	10	22
2016	12	0	12
2017	0	1	1
2018	3	0	3

Berpandukan Jadual 2, usaha menterjemahkan sastera Melayu dalam bahasa asing hanya bermula pada tahun 2006, iaitu selepas 13 tahun ITBM ditubuhkan. Daripada 263 judul terjemahan yang diterbitkan, 29 judul daripadanya ialah cetakan semula dengan izin daripada tujuh penerbit dan penulis atau pemilik asal. Sebanyak 18 judul ialah buku yang dicetak semula daripada Dewan Bahasa dan Pustaka, lima judul daripada Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd, dua judul daripada Khadijah Hashim dan satu judul masing-masing daripada Penerbit Fajar Bakti, Pustaka Cipta Sdn. Bhd, K-Publishing Sdn. Bhd dan Pemilik Asal.

Di bawah kategori sastera kanak-kanak, didapati tahun 2006 dan 2013 mencatatkan bilangan terjemahan yang agak tinggi berbanding dengan tahun-tahun yang lain. Penerbitan pada tahun 2006 ialah penerbitan 21 judul *Siri Sastera Kanak-kanak & Remaja* yang diterjemahkan daripada bahasa Melayu dalam bahasa Arab. Buku yang diterjemahkan ialah bahan bacaan tambahan bagi program j-Qaf (singkatan kepada Jawi, Al-Quran, bahasa Arab dan Fardu Ain) yang diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bagi memperkasa matapelajaran Pendidikan Islam dalam kalangan murid sekolah rendah. Penerbitan pada tahun 2013 pula terdiri daripada 21 judul *Siri Cerita Rakyat, Siri Didik Ria* dan *Siri Haiwan Teladan* yang diterjemahkan daripada bahasa Melayu ke bahasa Inggeris.

Penterjemahan sastera dewasa pula hanya diterbitkan pada tahun 2009. Situasi ini bertitik tolak daripada pembiayaan yang disalurkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) kepada institusi ini bagi tempoh 2006 hingga 2010 (Wan Hashim Wan Teh, 2008)²³. Tahun 2010 mencatatkan penerbitan tertinggi bagi sastera dewasa, iaitu sebanyak 53 judul. Jadual 3 menunjukkan bilangan penerbitan sastera dewasa mengikut bahasa.

Jadual 3.

Bilangan penerbitan terjemahan sastera dewasa mengikut bahasa sasaran

Bahasa Sasaran	Sastera Dewasa	Sastera Kanak-kanak
Inggeris	111	56
Spanyol	11	0
Tamil	0	10
Perancis	10	0
Mandarin	9	10
Jerman	8	0
Korea	3	0
Thailand	3	0
Jepun	3	0
Rusia	2	0
Arab	2	21
Belanda	1	0
Inggeris/Rusia	1	0
Inggeris/Perancis	1	0

Inggeris/Sepanyol	1	0
Jumlah Penerbitan	166	97

Berdasarkan jadual 3, penerbitan tertinggi melibatkan terjemahan dalam bahasa Inggeris, iaitu sebanyak 111 judul. Hal ini memberikan petunjuk bahawa bahasa Inggeris menjadi bahasa sasaran utama dalam menerbitkan penerbitan sastera dewasa. Penerbitan sastera Melayu paling sedikit diterjemahkan dalam bahasa Belanda dan judul dwibahasa yang masing-masing diterjemahkan daripada bahasa Melayu dalam Inggeris/Rusia, Inggeris/Perancis dan Inggeris/Sepanyol. Berbanding dengan sastera dewasa, penterjemahan sastera kanak-kanak Melayu dalam bahasa asing hanya melibatkan empat buah bahasa, iaitu Inggeris, Tamil, Mandarin dan Arab. Meskipun begitu, bahasa Inggeris tetap menjadi bahasa sasaran utama bagi kedua-dua kategori ini. Jadual 4 menunjukkan senarai karya penulis sastera dewasa yang paling banyak diterjemahkan dalam bahasa asing oleh ITBM.

Jadual 4.

Naskah penulis sastera dewasa yang paling banyak diterjemahkan dalam bahasa asing

Judul Asal	Judul Terjemahan	Penterjemah	Bahasa	Tahun
<i>Bisik Warna</i>	<i>Whispers of Colour</i>	Ahmed Adam Broughton	Melayu – Inggeris	2009
<i>Balada Hilang Peta</i>	<i>Ballad of the Lost Map</i>	Harry Aveling	Melayu – Inggeris	2009
<i>Hujan Pagi</i>	<i>The Morning Post</i>	Hawa Abdullah	Melayu – Inggeris	2009
<i>Cinta Fansuri</i>	<i>L'Amour de Fansuri</i>	Brigitte F. Bresson	Melayu – Perancis	2009
<i>Cinta Fansuri</i>	<i>Fansuri's Love</i>	Normala Othman	Melayu – Inggeris	2009
<i>Lantai T. Pinkie</i>	<i>T. Pinkie Floor</i>	Solehah Ishak	Melayu – Inggeris	2010
<i>Sungai Mengalir Lesu</i>	<i>Lazy River</i>	Harry Aveling	Melayu – Inggeris	2010
<i>68 Soneta Pohon Gingko</i>	<i>68 은행나무 소녀트</i>	Chun Tai Hyun	Melayu – Korea	2011
<i>Hujan Pagi</i>	<i>Pluie du Matin</i>	Monique Zaini Lajoubert	Melayu – Sepanyol	2011
<i>Salina</i>	<i>Salina</i>	Lalita Sinha	Melayu – Inggeris	2013

<i>Sungai Mengalir</i>	<i>You You He Shui</i>	Lee Ngeok Lan	Melayu – Mandarin	2014
<i>Lesu</i>				
<i>Salina</i>	<i>Salina</i>	Rosa Maria Galvan Martinez	Melayu – Sepanyol	2014

Sejak tahun 2009, ITBM tekak menterjemahkan sastera dewasa dalam bahasa asing pada tiap-tiap tahun kecuali pada tahun 2017. Penulis prolific bagi sastera dewasa yang naskahnya paling banyak diterjemahkan ialah sasterawan negara, A. Samad Said. Sebanyak 12 judul diterjemahkan; tujuh daripadanya diterjemahkan dalam bahasa Inggeris, dua judul dalam bahasa Sepanyol, dan satu judul masing-masing dalam bahasa Perancis, Korea dan Mandarin. Jadual 5 memaparkan senarai karya penulis sastera dewasa yang paling banyak diterjemahkan dalam bahasa asing.

Jadual 5.

Naskah penulis sastera kanak-kanak paling banyak diterjemahkan dalam bahasa asing

Judul Asal	Judul Terjemahan
<i>Sang Kancil dengan Gergasi</i>	<i>Sang Kancil and the Giant</i>
<i>Sang Kancil dengan Harimau</i>	<i>Sang Kancil and the Tiger</i>
<i>Sang Kancil dengan Tali Pinggang Hikmat</i>	<i>Sang Kancil and the Magic Belt</i>
<i>Sang Kancil dengan Buaya</i>	<i>Sang Kancil Counts the Crocodiles</i>
<i>Sang Kancil dengan Anak Harimau</i>	<i>Sang Kancil and the Tiger Cub</i>
<i>Sang Kancil dengan Perigi Buta</i>	<i>Sang Kancil in the Well</i>
<i>Sang Kancil dengan Penunggu Huma</i>	<i>Sang Kancil and the Scarecrow</i>
<i>Sang Kancil dengan Siput</i>	<i>Sang Kancil Races the Snail</i>
<i>Sang Kancil Menjadi Hakim</i>	<i>Sang Kancil Becomes a Judge</i>
<i>Sang Kancil dengan Harimau Tua</i>	<i>Sang Kancil and the Old Tiger</i>

Bagi sastera kanak-kanak, Rahimidin Zahari muncul sebagai penulis prolific dengan penterjemahan 11 judul dalam bahasa Inggeris. Sebanyak 10 daripadanya ialah penterjemahan siri *Himpunan Kisah Dongeng Sang Kancil*, manakala sebuah judul lagi ialah *Biring Sikunani*. Kedua-dua terjemahan ini diterbitkan pada tahun 2015. Siri *Himpunan Kisah Dongeng Sang Kancil* pada asalnya ialah karya asli yang diterbitkan oleh Jabatan Buku Malaysia, ITBM pada tahun 2015. Semua judul yang terdapat dalam siri *Himpunan Kisah Dongeng Sang Kancil* ini diterjemahkan dalam bahasa Inggeris. Oleh sebab mendapat sambutan baik daripada pembaca, siri ini diterjemahkan dalam bahasa Inggeris pada tahun yang sama. Penterjemah bagi judul ini ialah Peter Duke dan Linda Tan.

Dari segi tema, penerbitan sastera dewasa Melayu yang diterjemahkan mengetengahkan kisah-kisah kehidupan masyarakat di Malaysia. Penerbitan *Malaysian Literature Series* misalnya memuatkan idea perjuangan dan pemikiran masyarakat pascamerdeka yang terkesan kerana penjajahan. *Malaysian Literature Series* ialah terjemahan daripada *Siri Sastera Melayu* yang menghimpunkan naskah penulis tempatan yang diterbitkan ITBM dalam pelbagai bahasa asing. Penerbitan ini bertujuan membolehkan naskah ini dibaca oleh khalayak pelbagai bahasa di samping mempromosikan pemahaman budaya. Sebaliknya, tema bagi sastera kanak-kanak pula adalah lebih santai, sesuai dengan khalayak sasaran. Kebanyakan bahan yang diterjemahkan pula

dicedok daripada cerita-cerita rakyat Melayu yang terdiri daripada cerita binatang, cerita penglipur lara dan cerita teladan.

Apakah Kriteria Naskhah untuk Diterjemahkan?

Terdapat tiga kriteria utama dalam pemilihan naskhah untuk diterjemahkan, iaitu (i) kemantapan penulis, (ii) kewibawaan naskhah sastera, dan (iii) permintaan individu atau pihak tertentu.

(i) Kemantapan penulis

Secara umum, naskhah penulis yang mantap lebih mudah diterbitkan dalam bentuk terjemahan (Hale, 1998; Tamaki, 2009)^{24,25}. Dalam kajian ini, sebanyak 128 judul sastera Melayu yang diterjemahkan ialah nukilan penulis tersohor, sama ada sasterawan negara atau penulis prolifik tanah air yang lain. *Malaysian Literature Series* misalnya, menghimpunkan karya sasterawan negara seperti Keris Mas, Kemala, Anwar Ridwan, A. Samad Said dan Usman Awang. Terjemahan sastera Melayu juga melibatkan hasil penulisan penerima Anugerah Penulis S.E.A (*S.E.A. Write Award*) serta penerima hadiah sastera dalam negara seperti *Menteri (The Minister)* oleh Shahnnon Ahmad dan *Ngayau (The Headhunter)* tulisan Amil Jaya. Kedua-dua judul ini diterbitkan pada tahun 2009. Begitu juga dengan buku *Bijak Si Katak Bijak* tulisan Siti Zainon Ismail, iaitu pemenang bagi Hadiah Sastera Perdana Malaysia (*Malaysia Premier's Literary Award*) pada tahun 2012. Dalam pada itu, himpunan puisi *Menghadap ke Pelabuhan* oleh Zurinah Hassan merupakan satu-satunya naskhah yang diterjemah dalam lima bahasa sekali gus, iaitu Inggeris, Sepanyol, Perancis, Rusia dan Jepun.

(ii) Kewibawaan naskhah

Kewibawaan sesebuah naskah dapat diukur menerusi fungsi dan statusnya dalam masyarakat. Naskhah historiografi Melayu misalnya dianggap sebagai dokumen penting dalam peradaban dan tamadun negara. Naskah seperti ini ialah khazanah penting bagi bangsa Melayu kerana menampilkan pandangan sarwa yang berkaitan dengan sistem kepercayaan atau agama, falsafah, ketatanegaraan, undang-undang, perubahan tradisional, kesenian, persenjataan serta aspek lain peradaban bangsa (Awang Sariyan, 2020)²⁶. Antara naskah historiografi yang diterjemahkan ITBM termasuklah *Hikayat Hang Tuah (The Epic of Hang Tuah)* pada tahun 2009, *Tuhfat Al-Nafis (The Precious Gift)* pada tahun 2012 dan *Hikayat Raja Pasai (The Pasai Chronicle)* pada tahun 2013.

(iii) Permintaan individu atau pihak tertentu

Penterjemahan sastera Melayu dalam bahasa asing juga diterbitkan atas permintaan individu atau pihak tertentu. Pada tahun 2013, novel *Salina* telah diterjemahkan semula oleh Lalitha Sinha daripada bahasa Melayu ke bahasa Inggeris. Penterjemahan semula dan pemilihan penterjemah adalah atas cadangan A. Samad Said sendiri. Novel *Salina* buat kali pertama diterjemahkan dalam bahasa Melayu pada tahun 1975 oleh Harry Aveling diikuti terjemahan oleh Siti Hawa Abdullah pada tahun 1991. Kedua-dua naskah ini diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Berdasarkan maklumat parateks Prakata dan Nota Penterjemah pada halaman hak cipta, penterjemahan semula naskah dalam bahasa Inggeris adalah bagi mengekalkan gaya kepengarangan novel tersebut.

Siapakah yang Terlibat dalam Usaha Penterjemahan?

Dari tahun 1993 hingga 2018, didapati sebanyak 120 orang penterjemah terlibat dalam kerja-kerja terjemahan sastera Melayu dalam bahasa asing. Sebanyak 116 orang daripadanya ialah penterjemah individu, manakala enam lagi ialah kumpulan, penerbit serta agensi terjemahan dan kebudayaan, iaitu Panel Penterjemah ITBM, *National Arts Council Singapore*, *Quest Service*, *Karla Global Network*, kumpulan penterjemah Goethe-Institute Malaysia dan Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd. Penglibatan penterjemah paling ramai adalah daripada bahasa Melayu dalam bahasa Inggeris, iaitu 80 orang dengan pecahan 65 peratus.

Dari segi penterjemah, didapati penterjemah penutur bukan natif (*L2 translator*) adalah lebih dominan, iaitu 65.83 peratus berbanding dengan 34.16 peratus penterjemah penutur natif (*L1 translator*). Seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 6, kerja-kerja terjemahan dalam bahasa Mandarin, Tamil, Thai, Korea, Jerman, Perancis, Rusia dan Belanda dilakukan sepenuhnya oleh penutur natif bahasa tersebut, manakala terjemahan dalam bahasa-bahasa lain melibatkan kedua-dua kategori penterjemah.

Jadual 6.

Bilangan penterjemah penutur natif (L1) dan bukan natif (L2)

Bahasa	Penutur Natif (L1)	Penutur Bukan Natif (L2)
Inggeris	8	72
Mandarin	9	0
Jerman	5	0
Spanyol	5	0
Jepun	4	2
Perancis	3	1
Korea	2	0
Tamil	1	0
Arab	1	3
Thai	1	1
Rusia	1	0
Belanda	1	0
Jumlah Penterjemah	41	79

Berdasarkan Jadual 6, diandaikan bahawa kepakaran penutur natif amat penting dalam usaha terjemahan yang melibatkan bahasa-bahasa tertentu. Seperti yang disifatkan Marmaridou (1996)²⁷, penterjemahan dalam bahasa ibunda membuahkan hasil yang lebih baik:

The conceptual structures of the mother tongue—and target language—are directly and automatically activated, and hence successfully mapped onto the source text in the second language; i.e. directionality of the translation process from target onto source is compatible with general linguistic processing mechanisms (Marmaridou, 1996: 60-61).

Sungguhpun begitu, penggunaan khidmat penterjemah bukan natif masih lagi suatu aktiviti normal sebagaimana terjemahan dilakukan dalam bahasa ibunda (Campbell, 1998)²⁸. Hanya dalam konteks penterjemahan sastera, dikhuatiri teks ekspresif mungkin menimbulkan masalah dan

menjadi cabaran bagi penterjemah bukan natif yang kurang menguasai ragam bahasa sasaran (Snell-Hornby, 2000)²⁹. Dapatan dalam Jadual 7 berikutnya menunjukkan beberapa maklumat penting tentang latar belakang penterjemah yang menterjemahkan sastera Melayu dalam bahasa asing.

Jadual 7.

Naskah sastera Melayu oleh penterjemah penutur natif (L1)

Penterjemah	Bilangan penerbitan	Bahasa
Harry Aveling	10	Inggeris
Peter Duke	10	
Ahmad Adam Broughton	3	
David N. Bakewell	2	
Virginia Matheson Hooker	1	
Russell Jones	1	
Tanya Joned	1	
Amanda Katherine Rath	1	
Fong Wai Suat	6	Mandarin
Tan Siew Hiang	5	
Chew Fong Peng	2	
Lee Ngeok Lan	2	
Yong Yoke Fong	1	
Yap Sing May	1	
Ang Lay Hoon	1	
Goh Ming Lee	1	
Tan Yee Wei	1	
Arunasalam a/l Sereenevasan	10	Tamil
Volker Wolf	3	Jerman
Hedy Holzwarth	3	
Arndt Graf	1	
Holger Warnk	1	
Kumpulan Penterjemah Goethe Institute	1	
Brigitte F. Bresson	4	Perancis
Monique Zaini-Lajoubert	4	
Georges Voisset	1	
Patricia Vazquez Marin	1	Sepanyol
Alberto Balanza@Yahia	3	
Lorraine Mariana Heydl de Bottreau	2	
Rosa Maria Galvan Martinez	1	
Omar Rodriguez Esteller	1	
Victor A. Pogadaev	3	Rusia
H.M.N van Oostrum	1	Belanda
Sultan Ahmad Bin Abdur Rahman	1	Arab
Jun Onazawa	1	Jepun
Takuji Arai	1	
Yoshio Sakai	1	
Sae Yamamoto	1	
Chung Young Rhim	2	Korea

Chun Tai Hyun	1	
Suwanlerd Pro Poul	1	Thailand
Jumlah keseluruhan	98	

Pertama, penterjemah penutur natif yang paling banyak menterjemah sastera Melayu dalam bahasa asing ialah Harry Aveling, Peter Duke dan Arunasalam a/l Sereenevasan, masing-masing dengan 10 judul. Dari segi latar belakang, Harry Aveling ialah profesor dan pengkritik sastera Melayu dan Indonesia yang dikenali ramai. Beliau juga aktif melakukan kerja-kerja menterjemahkan sastera Melayu dan Indonesia dalam bahasa ibundanya. Menerusi ITBM, beliau telah menterjemahkan sebanyak 10 judul buku di bawah *Malaysian Literature Series (Siri Sastera Malaysia)*.

Peter Duke seterusnya ialah penterjemah bersama bagi siri *The Classic Treasury of Sang Kancil Tales*, manakala Arunasalam a/l Sereenevasan ialah penterjemah bagi 10 judul di bawah *Siri Sastera Kanak-kanak dan Remaja* dalam bahasa Tamil. Selain Harry Aveling, beberapa penterjemah penutur natif lain turut merupakan nama-nama prolifik dalam bidang sastera, bahasa dan budaya, antaranya Virginia Mathesan Hooker, Volker Wolf, Hedy Holzwarth, Holger Warnk, Monique Zaini-Lajoubert, Georges Voisset, Victor A. Pogadaev, Takuji Arai, Chung Young Rhim, Chun Tai Hyun dan Ang Lay Hoon.

Kedua, dari sudut pemasaran, penggunaan khidmat penutur natif ini dilihat sebagai satu strategi jualan oleh institusi untuk mempromosi sastera Melayu ke luar negara. Menurut Zahedi (2013)³⁰, penterjemah penutur natif mampu mempengaruhi penerimaan pembaca sasaran berbanding penulis asal memandangkan kedua-dua penterjemah dan pembaca berkongsi latar budaya dan bahasa yang sama. Ketiga, dari segi khidmat, walaupun ITBM menggunakan khidmat penterjemah penutur natif dalam penerbitan sastera Melayu dalam bahasa asing, amalan menggunakan khidmat penterjemah bukan natif bukanlah sesuatu yang asing.

Pada masa yang sama, penggunaan khidmat penterjemah bukan natif juga menjadi amalan standard yang dilakukan di negara-negara LLD (*Language of Limited Diffusion*) (Mraček, 2019)³¹ ekoran kurangnya penterjemah natif di negara tersebut di samping wujudnya permintaan yang tinggi bagi kerja-kerja terjemahan.


Adakah Terjemahan Dibiayai Mana-Mana Pihak?

Menurut Wan Hashim Wan Teh (2008)²³, kadar penghasilan buku terjemahan oleh ITBM adalah di bawah satu peratus ekoran kos yang tinggi untuk menerbitkan buku terjemahan. Seperti yang dinyatakan sebelum ini, penerbitan terjemahan sastera Melayu dalam bahasa asing hanya bermula pada tahun 2006, dan terus meningkat pada tahun 2009, 2010 dan 2013. Situasi ini diandaikan bertitik-tolak daripada peruntukan yang diberikan oleh kerajaan dan pemberian geran terjemahan daripada penerbit antarabangsa. Dengan cara ini, ITBM berupaya menterjemah dan menerbitkan buku dalam skala yang lebih besar.

Antara pembiayaan yang pernah diterima ITBM ialah peruntukan RM11 juta daripada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bagi menterjemah dan menerbitkan karya agung untuk tempoh 2006 hingga 2010 (Wan Hashim Wan Teh, 2008)²³. Pada tahun 2012, sempena penganjuran Anugerah Terjemahan Negara, kerajaan menerusi KPM sekali lagi memberikan

insentif sebanyak RM 1 juta kepada ITBM dan Persatuan Penterjemah Malaysia (Zanariah Abd Mutalib, 2012)³².

Pada tahun 2013, ITBM menerima dua geran terjemahan daripada negara asing, iaitu kerajaan Emiriah Arab Bersatu (UAE) dan Republik Rakyat China. Namun, selepas tahun 2013, penerbitan terjemahan bagi sastera Melayu kembali menunjukkan penurunan yang ketara terutamanya pada tahun 2017 dan 2018. Hal ini dicerminkan melalui penerbitan sebanyak hanya satu judul pada tahun 2017 dan tiga judul pada tahun 2018. Walaupun berlaku penurunan penerbitan, ITBM masih menerima pembiayaan terjemahan daripada *Taipei Economic and Cultural Office* di Malaysia (TECO) bagi program *Spotlight Taiwan*.



Rajah 1 Bilangan penerbitan sastera Melayu dalam bahasa asing dari tahun 2013-2018

Secara umum, didapati bahawa trend penerbitan karya terjemahan ITBM amat dipengaruhi oleh faktor politik dan ekonomi semasa negara terutamanya pelaksanaan dasar kerajaan terhadap industri buku Malaysia. Secara khusus, terdapat tiga faktor utama yang mempengaruhi penurunan penerbitan terjemahan terutamanya pada tiga tahun terakhir:

- (i) Ketidaktentuan ekonomi pada sekitar 2016 hingga 2018 memerlukan kerajaan untuk lebih memberikan tumpuan kepada usaha menstabilkan ekonomi domestik bagi menangani peningkatan kos hidup rakyat. Disebabkan itu, banyak peruntukan atau subsidi dalam sesetengah sektor ditarik atau dikurangkan. Penghapusan baucar buku tatkala keadaan ekonomi sedang melemah ternyata memberikan rangkaian impak negatif yang sangat meluas lantaran ekosistem industri buku adalah berperingkat (Ishak Hamzah, 2018)³³. Kesannya, banyak penerbit menghentikan perniagaan, kedai buku ditutup dan syarikat buku pula terpaksa memberhentikan para pekerja. Situasi bertambah teruk apabila pembelian buku daripada Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) juga berkurang. Menurut Ishak Hamzah (2018), pembelian buku daripada PNM pada tahun 2017 ialah sekitar RM2 juta berbanding

dengan RM40 juta pada tahun 2016. Rentetan itu, banyak penerbit termasuk ITBM menjadi selektif untuk menerbitkan buku. Bermula tahun 2017, demi mengelakkan kerugian kos, penerbit hanya mencetak naskhah pertama sebanyak 500 hingga 1,500 judul berbanding dengan 3,000 naskah pada tahun-tahun sebelumnya. Jumlah penerbitan baharu juga semakin menurun kepada 17,213 judul pada tahun 2017 berbanding dengan 19, 592 judul pada tahun 2016.

- (ii) Tsunami politik yang mengakibatkan berlakunya perubahan pada pucuk pimpinan negara secara tidak langsung membawa perubahan terhadap perancangan dasar dan polisi terutamanya apabila pucuk pimpinan baharu melaksanakan dasar jimat cermat kewangan (*financial austerity policy*). Seperti dilaporkan MABOPA kepada Kementerian Kewangan Malaysia (MABOPA, 2018)³⁴, kejatuhan industri buku diburukkan apabila polisi-polisi seperti pemotongan bajet pembelian untuk perpustakaan, pemansuhan pelepasan cukai pendapatan untuk pembelian buku dan bahan bacaan, pemansuhan program baucar buku serta kesukaran akses kepada dana pemulihan industri kecil sederhana (SME) dilaksanakan. Dampaknya, banyak penerbit terjejas kerana pendekatan ini merugikan pemain industri. Perubahan dasar dan polisi ini juga didapati memberi tempas kepada pengoperasian ITBM kerana banyak rancangan penerbitan tidak dapat dilaksanakan atau tergendala. Keadaan institusi kian meruncing apabila organisasi ini berdepan dengan pelbagai kemelut yang akhirnya membawa kepada pengecilan operasi syarikat pada tahun 2019 (Hafizah Iszahanid, 2019; Siti Haliza Yusop, 2019; Nor Afzan Mohamad Yusof, 2019)^{35,36,37}.
- (iii) Konflik hala tuju organisasi dalam fungsinya sebagai badan payung terjemahan turut memberikan tempas kepada aktiviti penerbitan terjemahan. Seperti didakwa Dewan Industri Buku Malaysia (MBIC) dalam memorandum bertarikh 1 November 2016 kepada Kementerian Kewangan, ITBM didapati melangkaui matlamat asal penubuhan kerana terlalu memberikan tumpuan kepada penerbitan karya asli. Justeru, ITBM disarankan agar menstrukturkan semula fungsinya dan menjelang tahun 2020, ITBM kembali kepada fungsi asal penubuhan, iaitu mengendalikan hal ehwal terjemahan serta menerbitkan buku-buku terjemahan.
- (iv) Dari segi pengoperasian, ITBM didapati terkekang antara memenuhi aspirasi sosial atau memfokuskan perniagaan berorientasikan keuntungan. Sebagai sebuah badan terjemahan rasmi di bawah seliaan MKD dan KPM, misi ITBM adalah untuk memperkaya dan memperkasa kepustakaan berbahasa Melayu sebagai wahana pemikiran bangsa Malaysia. Disebabkan itu, ITBM didapati tekal menterjemahkan buku-buku ilmiah dan karya agung bagi bacaan khalayak. Meskipun begitu, penerbitan buku ilmiah atau karya agung memerlukan modal yang besar. Sebagai contoh, ITBM pernah membayar kos royalti sejumlah RM 60,000 kepada penerbit asal bagi menterjemahkan 10 judul buku automatik daripada bahasa Jerman dalam bahasa Inggeris dan Melayu (Soon Li Wei, 2021)³⁸.

Bagaimanakah Terjemahan Dilakukan?

Menurut Wan Hashim Wan Teh (2008)²³, ITBM menerbitkan karya terjemahan dalam tiga cara, iaitu:

- (i) Secara sendiri – ITBM menanggung semua kos termasuk kos overhead, editorial, pracetak, pemasaran dan pengedaran;
- (ii) Secara berkongsi kos – ITBM menanggung kerja editorial dan sebahagian kos pengeluaran, manakala pihak satu lagi menanggung kos-kos lain seperti kos pracetak, percetakan, pemasaran dan pengedaran;
- (iii) Penajaan – ITBM atau rakan kongsi membiayai kos terjemahan dan penerbitan karya terjemahan

Kaedah berkongsi kos dalam kalangan penerbit adalah bagi mengukuhkan pemasaran serta jualan sama ada di pasaran sedia ada ataupun pasaran baharu seperti di luar negara (Clark dan Phillips, 2020)³⁹. Menurut Mohd. Khair Ngadiron (2015)⁴⁰, bermula tahun 2008, ITBM giat melakukan kerjasama penerbitan secara berkongsi kos yang melibatkan 11 buah penerbit antarabangsa.

Jadual 8.

Kerjasama penerbitan sastera Melayu dalam bahasa asing dengan penerbit antarabangsa

No.	Rakan kongsi	2009	2010	2011	2012	2013	2014	2015	2016	2017	2018
1.	Les Indes Savantes	2	1	1		1			1		
2.	Horlemann Verlag	1									
3.	Munhakmaeul	1									
4.	Goethe Institute		1								
5.	National Arts Council (NAC), Singapore				1			1			
6.	Yayasan Pustaka Obor Indonesia (YPOI) & National Arts Council (NAC), Singapore							1			
7.	Taipei Economic and Cultural Office in Malaysia (TECO)						1			1	
8.	Japan Malaysian Association (JMA)										1
9.	Kinokuniya Japan				1						

10.	Embassy of the Bolivarian Republic of Venezuela in Malaysia & Centro Nacional Del Libro (CENAL)	1
11.	L'Harmattan	1

Daripada 11 rakan kongsi penerbit, lima daripadanya ialah penerbit Eropah manakala enam yang lain ialah penerbit Asia. Penerbit Les Indes Savantes dari Perancis muncul sebagai penerbit paling banyak menjalinkan kerjasama penerbitan sastera Melayu dalam bahasa asing sebanyak enam judul. Semua judul yang diterbitkan dalam bahasa Perancis ialah karya sasterawan atau penulis tanah air, iaitu Keris Mas, Shahnnon Ahmad, Anwar Ridhwan, A. Samad Said, Muhammad Haji Salleh dan Faisal Tehrani.

Apakah Fungsi Naskah Terjemahan kepada Khalayak?

Secara umum, penerbitan karya terjemahan sastera Melayu dalam bahasa asing adalah bagi memenuhi misi dan objektif penubuhan institut, iaitu bagi mengantarabangsakan karya kebangsaan melalui aktiviti penterjemahan di samping memperbanyak usaha penterjemahan dan penerbitan naskah kebangsaan ke dalam bahasa asing. Penterjemahan *Hikayat Hang Tuah*, *Tuhfat al-Nahfis* dan *Hikayat Raja Pasai* dalam bahasa Inggeris misalnya adalah bertujuan memperkenalkan bahasa dan budaya bangsa kepada dunia selain menyumbang kepada kesejagatan persuratan Melayu. Karya lain seperti *Selamat Pulang* dan *Juita* oleh Muhammad Haji Salleh yang diterjemahkan dalam bahasa Sepanyol dan Jerman misalnya pula adalah bertujuan mengetengahkan sastera dan sasterawan Malaysia di luar negara.

Di samping itu, penerbitan karya ini juga adalah menyokong dasar kerajaan semasa. Sebagai contoh, penterjemahan 21 judul *Siri Sastera Kanak-kanak dan Remaja* dalam bahasa Arab oleh ITBM pada tahun 2006 diterbitkan untuk dijadikan bahan bacaan tambahan untuk Program j-QAF yang diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (Nor Farhana, Suriane Mahmud & Zahari Mahmud, 2019)⁴¹. Program j-Qaf (Jawi, Al-Quran, Bahasa Arab dan Fardu Ain) ialah inisiatif kerajaan bagi memperkasakan Pendidikan Islam dalam kalangan murid sekolah rendah. Bagi tujuan tersebut, ITBM dilaporkan telah menyerahkan sebanyak 3,000 naskah bagi setiap judul kepada KPM. Siri ini juga dicetak sebanyak dua kali, iaitu pada 2006 dan 2007 serta turut diterjemahkan dalam bahasa Tamil dan Mandarin masing-masing pada 2008.

Kesimpulan

Secara keseluruhan, ITBM didapati telah menterjemahkan karya sastera Melayu kepada 12 bahasa asing dari tahun 1993 hingga 2018. Penterjemahan karya sastera Melayu ke bahasa Inggeris adalah yang paling dominan, iaitu 63.4 peratus atau 167 judul daripada jumlah keseluruhan. Kumpulan penterjemah berstatus penutur bukan natif (*L2 translator*) muncul sebagai kumpulan yang paling aktif melakukan kerja-kerja terjemahan dengan jumlah 79 orang. Penterjemahan karya ini juga melibatkan 11 buah penerbit antarabangsa, dua dari Jerman, dua dari Perancis, dua dari Jepun, dan

satu masing-masing dari Indonesia, Singapura, Taiwan, Korea dan Venezuela. Tuntasnya, pendokumentasian karya menerusi arkeologi terjemahan adalah bermanfaat bagi memberikan gambaran lengkap tentang sejarah, perkembangan dan aktiviti terjemahan buku di Malaysia.

Penghargaan

Penulis ingin merakamkan penghargaan kepada pihak Universiti Sains Malaysia (USM) kerana telah menyediakan dana di bawah Geran Universiti Penyelidikan (1001/ PHUMANITI/8016044) untuk penyelidikan bertajuk *Evaluating Trends in the Translation of Literary Works by Institut Terjemahan & Buku Malaysia (1993–2017)*, yang membolehkan kajian ini dijalankan.

Rujukan

1. Bassnett, S. (1980). *Translation studies*. New York, NY: Routledge.
2. Berman, A. (1992). *The experience of the foreign: culture and translation in Romantic Germany* (trans). State University of New York Press.
3. D'hulst, L. (2001). *Emerging views on translation history in Brazil*. Sao Paulo, Brazil: Humanitas.
4. Santoyo, J. (2006). Blank spaces in the history of translation. In Bastin G. & Bandia P. (Eds.). *Charting the future of translation history* (pp. 11-44). Ottawa, Kanada: University of Ottawa Press.
5. Tryuk, M. (2022). Translation under Fascism and Nazism. In Rundle, C. (Ed.). *The Routledge handbook of translation history* (pp. 469-484). New York, NY: Routledge.
6. Pym, A. (1998). *Method in translation history*. Manchester, England: St. Jerome.
7. D'hulst, L. (2010). Translation history. In Gambier, Y. & van Doorslaer, L. (Eds.). *Handbook of translation studies* (pp. 397–405). Amsterdam, The Netherlands: John Benjamins.
8. Sagar, S. (2017). Historiography of translation in India: Issues and approaches. *The Creative Launcher*, 2(4), 154–155.
9. Raine, R. (2014). Translation archaeology in practice: Researching the history of Buddhist translation in Tibet. *Meta*, 59(2), 278–296. <https://doi.org/10.7202/1027476ar>.
10. Gürçağlar, S. T. (2013). Translation history. In Millán, M.D. & Bartrina, F. (Eds.). *The Routledge handbook of translation studies* (p. 131–143). New York, NY: Routledge.
11. Yoong, S.K and Zainab, A.N. (2002). Chinese literary works translated into Baba Malay: a bibliometric study. *Malaysia Journal of Library & Information Science*, 7(2), 1–23.
12. Raja Masittah Raja Ariffin. (2008). Kepustakaan terjemahan dalam bahasa Melayu. Dalam Abdullah Hassan, Hasuria Che Omar, Dahlina Daut Mohmud & Sa'odah Abdullah (Pnyt.). *Membina kepustakaan dalam bahasa Melayu* (hlm. 400–413). Kuala Lumpur, Malaysia. ITNMB.
13. Haslina Haroon & Melati Abdul Majid (2015). The translation of foreign novels into Malay by Dewan Bahasa dan Pustaka. *Malay Literature*, 28(1), 126–156.
14. Sharifah Fazliyaton Shaik Ismail & Asrar Omar. (2016). Wibawa bahasa Melayu dalam terjemahan sastera dari 1958 hingga 2014. *Pertanika MAHAWANGSA Jurnal Pertanika Bahasa, Budaya dan Warisan Melayu*, 3(2), 221–245.
15. Sumaiyah Makhtar dan Idris Mansor. (2018). Arkeologi terjemahan Arab-Melayu: kajian sumbangan Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani. Dalam Haslina Haroon, Wan Rose Eliza

- Abdul Rahman, Idris Mansor & Anis Shahirah Abdul Sukur (Eds.). *Teknologi dan media dalam terjemahan dan interpretasi: trend, isu dan cabaran semasa* (hlm. 253–264). Minden, Pulau Pinang: Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan.
16. Ding Choo Ming. (2019). Sejarah ringkas penterjemahan dalam kalangan orang Cina Dahulu dan sekarang di Alam Melayu. Dalam Goh Sang Seong (Ed.). *Jalinan tamadun Melayu-China: terjemahan, bahasa dan budaya* (hlm. 21-33). Kuala Lumpur, Malaysia: Institut Terjemahan & Buku Malaysia.
 17. Goh Sang Seong & Boh Phaik Ean. (2021). Publication of translations of modern Mahua literature in magazines published by Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). *Malay Literature*, 34(2), 229–256.
 18. Budiman Mohd Zohdi. (2017). *Dasar buku negara dan TN50: Satu perjuangan yang perlu*. Kuala Lumpur, Malaysia: Yayasan Harapan Budi.
 19. Puteri Roslina Abdul Wahid (2012). *Meneroka penterjemahan bahasa Melayu*: Kuala Lumpur, Malaysia: Penerbit Universiti Malaya.
 20. Sakina Sahuri & Fauziah Taib. (2015). The roles of translation in education in Malaysia. In Asmah Haji Omar (Ed.). *Language in the education Malaysian system* (pp. 133–146). New York, NY. Routledge.
 21. Anis Shahirah Abdul Sukur. (2016). Penterjemahan tajuk utama iklan dalam katalog bercetak. Tesis PhD (tidak diterbitkan). Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Retrieved from: <http://studentsrepo.um.edu.my/6298/4/anis.pdf>.
 22. Saadiah Ismail. (2020, Okt 11). Bantu ITBM kembalikan fungsi asalnya. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/rencana/sastera/2020/10/740721/bantu-itbm-kembalikan-fungsi-asalnya>.
 23. Wan Hashim Wan Teh. (2008). Usaha membina kepustakaan Melayu: perspektif ITNM. Dalam Abdullah Hassan, Hasuria Che Omar, Dahlina Daut Mohmud & Sa'odah Abdullah (Eds.). *Membina Kepustakaan Bahasa Melayu* (hlm.1-13). Kuala Lumpur, Malaysia: Persatuan Penterjemah Malaysia.
 24. Hale, T. (1998). Publishing strategies. In Baker, M., Malmkjær, K. & Sandalha, G. (Eds.). *Encyclopedia of translation studies* (pp. 190–194). New York, NY: Routledge.
 25. Tamaki, Y. (2009). Contemporary publishing strategies in Japan: The role of the literary agent. *TTR: Traduction, Terminologie, Rédaction*, 22(1), 119–146.
 26. Awang Sariyan & Abdul Rasid Jamian. (2020). Sumbangan manuskrip Melayu lama kepada peradaban bangsa. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 11(2), 7–17.
 27. Marmaridou, A. S. S. 1996. Directionality in translation. Processes and practices. *Target*, 8(1): 49–73.
 28. Campbell, S. 1998. *Translation into the second language*. London, England: Longman.
 29. Snell-Hornby, M. (2000). 'McLanguage': The identity of English as an issue in translation today. In M. Grosman, M. Kadric, I. Kovačić & M. Snell-Hornby (Eds.). *Translation into non-mother tongues: in professional practice and training* (pp. 35–44). Stauffenburg.
 30. Zahedi, S. (2013). L2 Translation at the periphery: A meta-analysis of current views on translation directionality. *Transcultural*, 5(1–2), 43–60.
 31. Mraček, D. (2019). The role(s) of native speakers in l2 translation. *SALi (Studies in Applied Linguistics/Studie Z Aplikované Lingvistiky)*, 7–25.
 32. Zanariah Abd Mutalib. (2012, 4 Oktober). Adibah Amin tokoh terjemahan. *Berita Harian*, 4.

33. Ishak Hamzah. (2018, May 24). Reformasi segera industri buku Malaysia. *Berita Harian*. Retrieved from: <https://www.bharian.com.my/rencana/sastera/2018/05/429376/reformasi-segera-industri-buku-malaysia>
34. MABOPA. (2018). *Mesyuarat agung tahunan ke-50 Persatuan Penerbit Buku Malaysia*. <http://mabopa.com.my/index.php/agm/>.
35. Hafizah Iszahanid. (2019, 11 April). ITBM mungkin tutup jimat kos kerajaan. *Berita Harian*, 19.
36. Siti Haliza Yusop. (2019, 14 November). Kecilkan skop ITBM langkah merugikan. *Berita Harian*. Retrieved from: <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/11/628389/kecilkan-skop-itbm-langkah-merugikan>.
37. Nor Afzan Yusof. (2019, 4 Disember). ITBM mula pemberhentian kakitangan ikut fasa. *Berita Harian*. Retrieved from: <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/12/635117/itbm-mula-pemberhentian-kakitangan-ikut-fasa>.
38. Soon Li Wei. (2021, 22 April). Memperkayakan ilmu pengetahuan menerusi karya terjemahan. *Bernamea*. Retrieved from: <https://www.bernama.com/bm/rencana/news.php?id=1954600>.
39. Clark, G. & Phillips, A. (2020). *Inside book publishing 5th edition*. New York, NY: Routledge.
40. Mohd. Khair Ngadiron. (2015). *Kertas dasar ITBM: Sinergi antara penerbit dan komuniti terjemahan*. Dalam Haslina Haroon, Hasuria Che Omar, Goh Sang Seong & Norizah Ardi. *Sinergi komuniti terjemahan: Akademia, industri dan amalan profesional*. Kuala Lumpur, 5–27 Ogos 2015.
41. Nor Farhana Zulkeplee, Surianee Mahmud & Zahari Mahmud. (2019). Penerbitan buku terjemahan kanak-kanak: pengalaman ITBM. Dalam Hasuria Che Omar, Rosni Abu Samah, Hazlina Abdullah, Mikail Ismail & Sulaiman Ismail. *Penterjemahan dalam era digital* (hlm. 424–431). Kuala Lumpur, Malaysia: Persatuan Penterjemah Malaysia.